

Artikel

Amalan Ritual *Miring* dalam Sambutan Perayaan Hari Gawai Sandau Ari Masyarakat Iban di Daerah Pakan, Sarakei, Sarawak

(*Miring Ritual Practices in Celebration of Gawai Sandau Ari Day of The Iban Community in Pakan District, Sarakei, Sarawak*)

Abby Rumie Anak Pandan & Yusmilayati Yunos*

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: yusmila@ukm.edu.my

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

Abstrak: Masyarakat Iban mempunyai banyak budaya menarik yang tidak diamalkan oleh suku kaum lain di Sarawak. Gawai Sandau Ari merupakan sebuah perayaan yang diraikan oleh masyarakat Iban dengan penuh adat dan pantang larang yang masih kekal dipegang sejak turun temurun. Amalan ini merupakan upacara penting dan unik dalam tradisi masyarakat Iban di Sarawak. Gawai Sandau Ari lazimnya bersifat lebih individual atau kekeluargaan. Nama "Sandau Ari" bermaksud "tengah hari" atau "puncak hari," dan pelaksanaannya pada siang hari. Gawai Sandau Ari merupakan amalan melibatkan ritual penting yang dikenali sebagai ritual *miring*. Ritual *miring* merupakan kemuncak perayaan Gawai Sandau Ari dalam masyarakat Iban. Ia merupakan sebuah ritual persembahan dan/serta medium komunikasi dengan alam spiritual. Objektif penulisan ini adalah untuk menjelaskan amalan ritual *miring* dalam sambutan perayaan Hari Gawai Sandau Ari masyarakat Iban di daerah Pakan, Sarakei, Sarawak. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian lapangan dan temu bual separa berstruktur bersama tokoh yang berpengetahuan dalam perayaan Gawai. Sampel kajian terdiri daripada ketua adat yang mahir dalam melaksanakan ritual ini. Seterusnya kaedah kepustakaan turut digunakan bagi menyokong data utama yang diperolehi melalui kajian lapangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan Gawai Sandau Ari dan ritual *miring* masih terus diamalkan oleh masyarakat Iban di rumah panjang kawasan Segala aspek pelaksanaan amalan ritual masih dikekalkan dan perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Walaupun arus modenisasi telah semakin berkembang, ritual tradisional ini masih aktif dipraktikkan oleh masyarakat Iban dan terus diwarisi hingga kini.

Kata kunci: Daerah Pakan; Gawai Sandau Ari; masyarakat Iban; ritual *miring*; spiritual

Abstract: The Iban community has many interesting cultures that are not practiced by other tribes in Sarawak. Gawai Sandau Ari is a festival celebrated by the Iban community with full customs and taboos that have been held for generations. This practice is an important and unique ceremony in the tradition of the Iban community in Sarawak. Gawai Sandau Ari is usually more individual or family in nature. The name "Sandau Ari" means "midday" or "peak of the day," and it is carried out during the day. Gawai Sandau Ari is a practice involving important rituals known as the *miring* ritual. The *miring* ritual is the highlight of the Gawai Sandau Ari celebration in the Iban community. It is a ritual of presentation and/or a medium of communication with the spiritual realm. The objective of this writing is to explain the practice of the *miring* ritual in the celebration of the Gawai Sandau Ari Day of the Iban community in the Pakan district, Sarakei, Sarawak. This study was

conducted using a qualitative approach through field research methods and semi-structured interviews with knowledgeable figures in the Gawai celebration. The study sample consisted of traditional chiefs who were skilled in performing this ritual. Subsequently, the library method was also used to support the main data obtained through field research. The results of the study showed that the Gawai Sandau Ari practice and the miring ritual are still practiced by the Iban community in the area's longhouses. All aspects of the implementation of ritual practices are still maintained and must follow the established procedures. Although the modernization trend has been growing, this traditional ritual is still actively practiced by the Iban community and continues to be inherited to this day.

Keywords: Pakan District; Gawai Sandau Ari; Iban community; *miring* ritual; spiritual


Pengenalan

Masyarakat Iban di Sarawak kaya dengan pelbagai warisan dan budaya yang diwarisi sejak zaman-berzaman oleh nenek moyang mereka. Kebudayaan Iban terdiri daripada dua aspek yang berbeza iaitu ‘Warisan’ dan ‘Pusaka’. Warisan adalah merujuk kepada kemahiran tradisi, kepercayaan dan estetika seni dalam budaya yang ditinggalkan oleh Petara (Tuhan) kepada masyarakat Iban, manakala Pusaka adalah lebih kepada pemilikan individu dan bersifat materialistik semata. Namun demikian, kedua-dua elemen ini mempunyai signifikan yang sangat penting dalam budaya Iban hingga hari ini (Kiyai & Noria Tugang, 2020). Masyarakat Iban mementingkan warisan turun-temurun daripada nenek moyang dan sangat percaya akan kewujudan *Panggau Libau* (dunia kayangan) sebagai penjaga nasib masyarakat ini. Kepercayaan ini menunjukkan kaum Iban masih lagi mengamalkan pemikiran warisan ini meskipun dunia semakin maju (Doratya, Harishon & Fazal, 2024). Dalam konteks sambutan perayaan rakyat, Hari Gawai merupakan salah satu bentuk warisan tradisi yang masih hidup dan diamalkan hingga kini. Perayaan ini bukan sahaja menjadi medan penghargaan kepada hasil tuaian dan permohonan keberkatan kepada *Petara*, malah menjadi platform integrasi sosial dan perpaduan kaum. Dalam perayaan Gawai, masyarakat pelbagai etnik di Sarawak seperti Melayu, Bidayuh, Melanau dan Cina turut hadir meraikan bersama dengan semangat muhibah. Sambutan perayaan rakyat ini merupakan salah satu perayaan tradisi yang diwarisi sejak turun temurun yang sememangnya telah menjadi resepi kepada pengukuhan perpaduan kaum yang dikecapi Malaysia selama ini (Johan Johnes, Rosazman Hussin & Trixie Marjorie Tangit, 2022).

Hari Gawai atau Gawai Dayak adalah perayaan menuai yang disambut oleh kaum Dayak terutamanya Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit dan Orang Ulu pada setiap 1 hingga 2 Jun, khususnya di Sarawak, Malaysia. Kelazimannya ritual miring diadakan pada 31 Mei menjelang sambutan Hari Gawai yang diadakan pada 1 Jun setiap tahun. Gawai Sandau Ari pula adalah pecahan upacara yang terkandung dalam Hari Gawai Burong. Upacara ini merupakan sebuah upacara masyarakat Iban yang diamalkan sejak zaman dahulu sehingga sekarang. Gawai Sandau Ari merupakan satu kaedah dalam bidang perubatan tradisional masyarakat Iban yang disambut melibatkan sebuah komuniti yang seakan sama seperti perayaan Gawai Burong. Peter (1970), mengatakan bahawa “*Gawai Sandau Hari was celebrated on the open air verandah tanju only during the daytime*”. *Tanju* (serambi atau beranda terbuka) merupakan sebuah ruang yang utama dalam seni bina rumah panjang. Upacara Gawai Sandau Ari dilakukan di ruangan ini kerana melibatkan banyak pergerakan. Ritual mengubat penyakit ini dilakukan mengikut peringkat dan jenis penyakit yang dihidapi oleh pesakit. Walaupun ritual ini bertujuan untuk mengubat penyakit namun pengurusan dan pelaksanaannya dilakukan mengikut adat dan pantang larang yang telah ditetapkan sejak dahulu lagi.

Terdapat beberapa elemen utama dalam perayaan Gawai Sandau Ari. Gawai ini biasanya diadakan dalam skala yang lebih kecil dan melibatkan satu keluarga atau beberapa keluarga terdekat. Pelaksanaan Gawai Sandau Ari ditandai dengan mimpi atau petanda khusus yang dialami oleh seorang individu. Mimpi ini membawa pesanan dari alam roh. Seterusnya seorang *lemambahang* (dukun adat) akan menafsirkan makna mimpi tersebut dan menentukan jenis ritual yang sesuai dilakukan dalam perayaan Gawai Sandau Ari. Biasanya perayaan ini mempunyai beberapa tujuan seperti memohon berkat dan perlindungan sebelum melakukan perjalanan penting, sebelum memulakan pekerjaan baru dan menghadapi cabaran hidup. Ia juga

bertujuan untuk mengucapkan syukur atas rezeki yang telah diterima; sebagai alat penyembuhan atau pemulihan setelah menghadapi kesakitan atau mengalami musibah; untuk menolak bala dan menghindari malapetaka serta menghormati roh leluhur sebagai bentuk penghormatan dan menjaga hubungan baik dengan alam spiritual (Urin Telajan, 2022). Penulisan ini bertujuan menjelaskan amalan ritual miring dalam sambutan perayaan Hari Gawai Sandau Ari masyarakat Iban di daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. Berikut adalah peta daerah Pakan, Bahagian Sarikei, Sarawak yang menjadi lokasi kajian ini dilakukan.



Gambar 1. Peta Daerah Pakan, Sarikei, Sarawak

Sumber: Pentadbiran Bahagian Sarikei (2025)

Sorotan Literatur

Terdapat beberapa penulisan berkenaan amalan ritual Miring yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Misalnya, Henrietta Liza (2024) telah menulis sebuah laporan berjudul "Miring diadakan Sempena Ekspo Tatu Antarabangsa Kuching" dalam *Utusan Borneo*. Upacara ini diadakan mengikut adat resam dan pantang larang masyarakat Iban di Kuching, Sarawak. Laporan akhbar tersebut menjelaskan 'miring' merupakan doa yang bertujuan untuk memohon kebaikan daripada 'petara' dalam kepercayaan animisme. Doa ini berperanan untuk mendapatkan keberkatan daripada *Petara* atau disebut sebagai dewa asa agar ekspo tersebut dapat dilaksanakan dalam keadaan sejahtera dan selamat.

Seterusnya, kajian berkenaan amalan miring dilakukan oleh Daniel Ugih Echoh, Salfarina Abdul Gapor dan Haris Fadzilah Abdul Rahman (2020). Kajian mereka berjudul "Fungsi Upacara Miring dalam Proses Pemuliharaan Kubu di Wilayah Tengah Sarawak" membincangkan upacara miring dalam konteks pemuliharaan bangunan bersejarah yang dilakukan terhadap Kubu Emma di daerah Kanowit dan Kubu Brooke di daerah Julau. Upacara miring dilakukan sebelum kerja-kerja pemuliharaan kubu dilaksanakan. Penulis menjelaskan upacara miring merupakan satu bentuk keunikan budaya dan adat resam dalam kalangan komuniti Iban di Sarawak untuk memberkati, melindungi dan membawa kebahagiaan mereka yang mengamalkannya.

Kajian Jescinta Alice Matusinus (2019) bertajuk "Budaya Gawai Sandau Ari" memberi tumpuan terhadap amalan Gawai Sandau Ari secara umum. Makna dan tujuan perayaan ini sebagai upacara dan adat lama yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban sehingga ke hari ini dengan tujuan untuk melakukan penilikan nasib terhadap seseorang. Kajian ini juga menghuraikan tentang cara pelaksanaan Gawai Sandau Ari dan peralatan serta tujuan penggunaannya semasa upacara berlangsung. Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan upacara Gawai Sandau Ari dilakukan secara bersama-sama oleh keluarga rumah panjang dalam menyediakan makanan tradisional seperti pulut, rendai, tumpe dan kembang goyang. Dalam kajian ini juga, peralatan yang digunakan untuk menyambut upacara Gawai Sandau Ari terdiri daripada *isang*, *piring*, *antu pala*, puan kumbu, ayam dan babi serta tiang kuyang.

Nik Azma Nik Day (2018) dalam kajiannya bertajuk “Perubahan Amalan Ritual Miring dalam Masyarakat Iban di Kanowit Sibu, Sarawak” membincangkan perubahan yang berlaku di dalam pengamalan ritual miring masyarakat Iban yang masih lagi percaya dan berpegang teguh dengan agama dan adat. Pengamalan ritual miring adalah satu upacara keagamaan mengikut kepercayaan adat untuk memohon pertolongan daripada *Petara* bagi memakbulkan sesuatu niat melalui persesembahan (offerings) seperti makanan yang diletakkan di dalam piring. Konsep perubahan yang dinyatakan di dalam kajian ini bukan sahaja dinilai dari segi bahan ritual yang digunakan tetapi dilihat berdasarkan siapakah pengamalnya pada masa kini, adakah masyarakat Iban yang masih beragama atau mereka yang telah memeluk agama Kristian. Perubahan-perubahan yang telah dikenal pasti memberi kesan kepada persepsi masyarakat sekarang terutamanya golongan muda tentang adat dan kepercayaan tradisi masyarakat Iban pada masa dahulu. Hal ini kerana, pengamalan ritual miring pada masa kini bukan sahaja semakin kurang diamalkan tetapi tatacara pengamalannya tidak dilakukan sepertimana adat dan cara masyarakat dahulu yang boleh mengubah tanggapan seseorang yang baru mengetahui tentang ritual miring ini.

Penulisan Suzie Nyindang (2017) berjudul “Adat Miring dalam Perayaan Gawai Sandau Hari dalam Masyarakat Iban” memberi tumpuan kepada ritual miring yang dilakukan semasa upacara Gawai Sandau Hari yang berlangsung di sebuah rumah panjang di Sarawak. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah membuat penelitian terhadap aspek pengurusan setiap peringkat upacara miring semasa Gawai Sandau Ari mulai dari awal hingga akhir sambutan. Perayaan Gawai Sandau Ari merupakan Gawai yang disambut oleh masyarakat Iban mulai jam 7.00 pagi sehingga 3.00 petang. Perayaan ini dilaksanakan di sebuah tempat terbuka yang dikenali sebagai *tanju* oleh masyarakat Iban. Penulis ini turut membincangkan segala jenis peralatan dan bahan-bahan yang digunakan semasa ritual *miring* diadakan.

Seterusnya, penulisan Gregory Kiyai @ Keai (2017) berjudul “*Tikai*: Fungsi dalam Kehidupan Budaya Masyarakat Iban” menyatakan perayaan Gawai Sandau Ari bermaksud Gawai Siang Hari yang dilakukan di kawasan *tanju* sahaja. Tujuan perayaan ini adalah untuk menilik atau melihat nasib seseorang yang mengadakan perayaan tersebut dengan menggunakan hati babi sebagai bahan pengantara. Pelaksanaan Gawai Sandau Ari menunjukkan pemilihan tikar adalah sangat penting dan tidak boleh dipilih secara sembarangan. Hal ini kerana sambutan perayaan ini penuh dengan pantang larang agar tidak mendatangkan musibah terhadap individu yang melakukan upacara ini.

Selain itu, Anna Durin (2014) di dalam bukunya yang berjudul *Tikar Bemban* mengupas tentang kegunaan tikar bemban dalam perayaan Gawai Sandau Ari. Tikar bemban akan dihamparkan sebagai alas kepada tempat duduk lemabang atau tuai burung yang akan menyanyikan mantera bagi menjemput semangat atau roh. Semasa Gawai Sandau Ari diadakan, piring akan diletakkan di atas tikar bagi aktiviti menjamu semangat. Pemilihan tikar adalah penting sebagai alas duduk ketua adat dan tetamu yang hadir. Kaum wanita yang menyediakan peralatan untuk perayaan ini tidak boleh memilih tikar sembarangan kecuali tikar lampit sebagai alas duduk. Hal ini demikian kerana pemilihan tikar yang sesuai harus dititikberatkan kerana semangat yang dipanggil sebagai Bungai Nuing sangat cerewet dan dapat menilai bahawa tikar yang lain adalah berkasta rendah. Musibah akan berlaku sekiranya seseorang yang terkena angin daripada semangat Bungai Nuin. Angin ini mengakibatkan seseorang itu *alah ayu* atau jatuh pengsan.

Seterusnya, kajian oleh Makmur Haji Harun dan Bukhari Katutu (2013) yang berjudul “Mencari Titik Temu Seni Budaya Kaum Iban dengan Kaum Bugis: Kajian Terhadap Seni dan Budaya Etnik di Nusantara” mengupas gambaran dan realiti hidup kaum Iban serta titik temu seni budaya kaum Iban. Terdapat aktiviti seni persesembahan semasa perayaan Gawai Sandau Ari khususnya tarian. Seni tari yang dipersembahkan oleh kaum Iban terdiri daripada tarian Ngajat Induk, Ngajat Bebunoh, Ngajat Lesong, Ngajat Ngemai Antu Pala dan sebagainya. Pada zaman dahulu tarian tersebut akan ditarikan selepas mereka kembali daripada perperangan dengan memakai pakaian tradisi masyarakat Iban seperti ‘*sirat*’, ‘*gagung*’ dan baju *burung*. Dalam sambutan Gawai Sandau Ari, peralatan muzik tradisional utama yang dimainkan adalah gong. Pemain gong yang mahir akan memainkan muzik gendang Rayah untuk menyambut tetamu kehormat dan tetamu yang hadir. Mereka menyambut Hari Gawai dengan cara berrayah sambil membawa tengkorak musuh yang dikenali sebagai ‘*antu pala*’. Penulis menjelaskan upacara Gawai Sandau Ari mempunyai kaedah tariannya yang

tersendiri iaitu penarinya akan memegang perisai kayu di tangan kiri dan pedang ditangan kanan lalu menari seperti berhadapan dengan musuh.

Seterusnya kajian Juliza Kennedy (2007) berjudul “Khazanah Warisan Masyarakat Etnik Iban di Sarawak: Satu Kajian Dokumentasi Harta Intelek” mendapati bahawa masyarakat etnik Iban sama seperti masyarakat kaum lain yang mempunyai sesuatu yang digunakan untuk membuktikan akan kewujudan etnik mereka di bumi ini. Masyarakat Iban di negeri Sarawak menetap di rumah panjang yang merupakan rumah tradisional sebagai simbolik kepada etnik ini. Rumah panjang merupakan sebuah rumah kediaman masyarakat Iban yang mempunyai beberapa ‘pintu’ atau dikenali sebagai bilik. Setiap pintu mempunyai “ruai” atau ruang halaman rumah yang digunakan untuk bersempang, melaksanakan majlis perkahwinan, tempat untuk menyambut Hari Gawai dan aktiviti lain yang melibatkan penduduk rumah panjang.

Linda Dagang (2007) dalam tulisannya bertajuk “Persepsi Golongan Muda Terhadap Perayaan Gawai Burung Kenyalang di Daerah Lubok Antu” membincangkan perayaan Gawai yang disambut oleh masyarakat Iban. Melalui kajian ini, didapati masyarakat Iban mempunyai pelbagai perayaan Gawai seperti Gawai Batu, Gawai Dayak, Gawai Antu, Gawai Pangkong Tiang, Gawai Burung dan seumpama dengannya. Setiap perayaan Gawai tersebut dilakukan mengikut adat dan tradisi sepetimana yang diturunkan oleh nenek moyang kaum Iban sejak dahulu lagi. Kajian yang hampir sama ditulis oleh Concordius Kanyan (2007) yang bertajuk “Gawai Kenyalang Dayak Iban” menjelaskan bahawa perayaan Gawai Burung Kenyalang hanya dapat dijalankan apabila seseorang individu itu mendapat mimpi daripada *Petara* (Tuhan) mereka. Individu yang mendapat mimpi tersebut merupakan orang yang tertentu dan terpilih. Mereka mempunyai sejarah silam berkait zaman pemenggalan kepala dahulu.

Selanjutnya kajian oleh Asnaini (2005) yang bertajuk “Upacara Adat Sandau Ari Pada Masyarakat Iban di Kabupaten Kapuas Hulu Kalimantan Barat” memberi tumpuan terhadap amalan Gawai Sandau Ari yang disambut di Kalimantan Barat. Sambutan ini bertujuan untuk memberi keberkatan terhadap seorang anak lelaki yang baru pulang dari merantau, mencari pekerjaan dan meninggalkan kampung halaman. Amalan Gawai Sandau Ari yang disambut oleh masyarakat Iban di Kalimantan dan di Sarawak adalah berbeza iaitu di Kalimantan sambutannya akan diadakan waktu tengah hari berbanding di Sarawak, sambutan Gawai Sandau Ari berlangsung pada awal pagi.

Tulisan Benedict Sandin (1977) berjudul *Gawai Burong the Chants and Celebrations of the Iban Bird Festival* menyatakan bahawa orang Iban adalah kumpulan etnik pribumi yang terbesar di Sarawak. Mereka tersebar di seluruh Sarawak dan didapati mendiami pelbagai kawasan persisiran pantai di Kuching, Saribas, Skrang, Lemanak, Batang Lupar, Lundu, Miri, Bintulu, Kapit, Limbang, Sri Aman dan di Lawas. Masyarakat Iban dapat dibezakan dari etnik-ethnic lain yang terdapat di negeri Sarawak melalui dialek mereka dan mereka dikenali atau diasosiasikan dengan penempatan mereka di tepi-tepi sungai. Beliau merekodkan ritual Gawai Burong sebuah sambutan perayaan paling penting dalam kalender masyarakat Iban yang melibatkan persempahan nyanyian dan upacara yang dilaksanakan oleh lemabang. Berbanding dengan ulasan literatur yang dibincangkan seperti di atas, penulisan ini memberi fokus perbincangan terhadap amalan ritual miring dalam sambutan Hari Gawai Sandau Ari di daerah Pakan, Sarakei, Sarawak. Pendokumentasian makalah ini merupakan satu cara untuk memelihara adat dan tradisi masyarakat Iban pada masa akan datang.

Metodologi

Penulisan ini menggunakan teknik kualitatif iaitu data diperolehi daripada kaedah kajian lapangan dan kaedah kepustakaan. Kajian ini dimulai dengan proses pengumpulan maklumat dan segala maklumat yang berkaitan akan diteliti dan dijadikan sebagai rujukan. Pada peringkat awal, kajian kepustakaan dilakukan di Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu, Perpustakaan Tun Sri Lanang dan di Pusat Sumber Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku, artikel dan jurnal yang berkaitan dipilih sebagai sumber data sekunder. Kaedah kepustakaan ini bertujuan untuk mendapatkan definisi, konsep operasional, fakta dan ulasan berkaitan dengan tajuk penulisan.

Kaedah lapangan yang digunakan melibatkan temu bual dan pemerhatian ikut serta. Kaedah temu bual dilakukan bersama informan yang dipilih di rumah panjang Indit, Manding, Pakan, Bahagian Sarakei, Sarawak. Informen yang ditemu bual terdiri daripada ketua adat yang pakar dan mahir tentang amalan Gawai

Sandau Ari khususnya dalam bidang perubatan tradisional masyarakat Iban. Kaedah temu bual separa struktur telah dijalankan terhadap individu yang berwibawa dan arif dalam masyarakat mereka. Temu bual separa struktur dipilih untuk menemu bual informan secara mendalam. Sebelum memulakan proses temu bual, penulis akan memberikan penjelasan berkaitan matlamat dan tujuan kajian ini dijalankan. Penerangan ini bagi memudahkan informan memahami intipati kajian dan kesediaan mereka untuk memulakan mana-mana topik perbincangan mengikut keselesaan serta berlandaskan soalan temu bual yang telah disediakan (Nordiana Mosum & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2025). Temu bual melibatkan dua orang yang arif dengan Gawai Sandau Ari iaitu Puan Urin anak Telajan dan Puan Juntek anak Ugas. Mereka adalah warga emas di lokasi kajian dan masih aktif menjalankan amalan adat dan kepercayaan masyarakat Iban. Temu bual dirakam dan direkodkan dengan menggunakan pita perakam suara. Beberapa soalan berkaitan kajian dikemukakan dalam sesi temu bual ini. Kedua-dua informan ini bukan hanya berpengetahuan dalam upacara Gawai Sandau Ari tetapi mereka juga mempunyai kepakaran dalam mengubat penyakit dengan menggunakan kaedah tradisional yang diwarisi sejak turun temurun. Mereka tahu membaca jampi mantera dan memahami adat dan pantang larang ketika merawat pesakit.

Selain itu, kaedah pemerhatian ikut serta digunakan dalam kajian ini dengan cara melihat sendiri upacara ini dilaksanakan di kawasan kajian. Pada hari kejadian, proses ritual dapat dirakam khususnya ketika upacara Gawai Sandau Ari yang bertujuan untuk merawat pesakit kanser. Kaedah pemerhatian ini dapat memberikan gambaran secara langsung tentang pelaksanaan dan pengurusan amalan Gawai Sandau Ari di rumah panjang Indit. Penelitian awal dilakukan dengan menghadiri upacara Gawai Sandau Ari yang dilakukan di daerah Pakan pada bulan April 2022. Pada masa itu, upacara Gawai Sandau Ari dilakukan untuk Layang anak Tanggai yang menghidap penyakit kanser usus. Upacara tersebut melibatkan masyarakat seluruh rumah panjang Indit, Manding. Penduduk rumah panjang lain turut hadir untuk melihat ritual ini. Kesemua data dan maklumat dari upacara ini dikumpulkan dan seterusnya di saring dan dianalisis mengikut tema yang sesuai. Hanya data yang benar-benar sesuai sahaja digunakan untuk penulisan makalah ini.

Konsep ritual digunakan dalam penulisan ini. Secara umumnya ritual bermaksud (1) mengekalkan hubungan dengan yang suci; (2) membantu mengikat masyarakat bersama; (3) merupakan gejala neurosis yang tidak dapat diselesaikan dan (4) dikaitkan secara tidak dapat dipisahkan dengan mitos. Victor Turner (1966) mengatakan ritual merupakan kewajiban yang harus dilalui oleh seseorang dengan cara melakukan serangkaian kegiatan, untuk menunjukkan suatu proses dengan tata personaliti tertentu untuk masuk ke dalam kondisi atau kehidupan yang belum pernah dialami. Pada masa itu, seseorang atau sekelompok manusia harus menjalani ritual. Mereka akan diatur oleh peraturan, tradisi, kaedah-kaedah dan upacara yang berlaku selama peristiwa itu berlangsung.

Turner (1966) menegaskan bahawa ritual mempunyai prinsip formalnya sendiri. Oleh itu, ritual tidak boleh dijadikan sebagai cerminan konteks sosial semata-mata kerana ia sering menjadi kegemaran budaya sekelompok masyarakat. Menurut Turner lagi, simbol ritual bukan sekadar ekspresif tetapi realitinya secara epistemologi dan sosiologi konstituf. Hal ini kerana, sebuah upacara boleh dilihat sebagai tipikal, modal, atau asas kewujudan sekelompok masyarakat.

Menurut Ronald L. Grimes (1982) dalam bukunya yang bertajuk *Beginnings in Ritual Studies*, mentakrifkan ritual bersifat tradisional yang berasal tanpa nama sehingga beliau sendiri tidak dapat membayangkan bahawa ritual di hadapannya sehingga wujudnya keputusan yang dilakukan oleh makmal yang telah menjana proses ritual. Dalam topik 9 *Religious Studies & Anthropological Theories*, temu bual bersama dua orang tokoh teori ritual iaitu Victor Turner dan Theodor Gaster dilakukan berkaitan pandangan mereka terhadap Teori Ritual. Kedua-dua tokoh ini menjalankan kajian mikro yang sangat terperinci mengenai teks dan upacara puak yang dilakukan secara kelompok yang berlabel "simbol, mitos dan ritual".

Konsep ritual telah dipilih untuk menyelidik adat masyarakat Iban dengan melihat kepada upacara yang berbentuk spiritual yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka secara turun temurun. Gawai Sandau Ari ialah ritual penting bagi masyarakat Iban. Ritual ini digambarkan sebagai "Gawai kecil" berbanding dengan Gawai Dayak yang sifatnya lebih besar. Ia merupakan upacara unik yang secara tradisinya diadakan apabila seseorang individu menerima petanda penting melalui mimpi. Mimpi ini hanya boleh ditafsirkan oleh Lemambang (dukun). Tujuan mengadakan Gawai Sandau Ari bergantung kepada mimpi yang dialami. Antara

lain ritual ini bertujuan memohon berkat sebelum melakukan perjalanan dan menenangkan semangat atau dewa-dewi. Oleh itu ritual *miring* diadakan bagi menjaga hubungan baik manusia dengan alam spiritual.

Hasil Kajian

Dalam konteks Gawai Sandau Ari, ritual *miring* bertujuan untuk menghormati dan memuja *Petara* (dewa-dewi), *Orang Panggau* (roh pahlawan mitos), *Bunsu Antu* (pelbagai jenis roh), dan roh nenek moyang (*Petara Aki-Ini*). Selain itu tujuannya untuk memohon berkat, perlindungan, bimbingan, dan kesejahteraan bagi individu atau keluarga yang mengadakan Gawai. Ritual ini penting dalam masyarakat Iban, misalnya ritual miring diadakan sebelum memulakan perjalanan untuk mendapatkan pekerjaan, memberi keselamatan kepada individu, rumah atau objek tertentu dengan tujuan menjaga keseimbangan dan keharmonian antara alam manusia dan alam roh. Amalan ritual miring yang dilakukan dalam sambutan perayaan Hari Gawai Sandau Ari bertujuan untuk menenangkan roh-roh tertentu jika diperlukan.

Ritual *miring* adalah satu bentuk persembahan dan komunikasi manusia dengan alam roh. Dalam konteks Gawai Sandau Ari, ia bertujuan untuk menghormati *Petara* (dewa-dewi), *Orang Panggau* (wira/roh mitos), *Bunsu Antu* (pelbagai jenis roh) dan roh nenek moyang yang telah meninggal dunia (*Petara Aki-Ini*). Amalan ini dilakukan untuk memohon keberkatan, perlindungan, bimbingan, dan kesejahteraan untuk individu atau masyarakat yang mengadakan Hari Gawai tersebut. Ia juga boleh dilakukan untuk menenangkan roh dan mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan dengan alam.

Persembahan dalam ritual *miring* akan dengan teliti oleh *Lemambahang*. Pelbagai jenis barang diletakkan di atas *piring* (pinggan) dalam ritual ini. Bahan-bahannya terdiri daripada nasi putih, pulut dan nasi berwarna, *penganan* (kuah tradisional), sirih pinang, tembakau, telur dan kadangkala melibatkan ayam atau babi. Darah dan bulu haiwan yang dikorbankan dalam ritual *miring* mempunyai makna simbolik. Minuman *Tuak* (arak beras) pula digunakan sebagai persembahan dan dikongsi bersama tetamu yang hadir dalam ritual *miring* (Urin Telajan, 2022).

Juntek Ugas (2022) menjelaskan *Lemambahang* adalah tokoh utama dalam menjalankan upacara *miring*. Mereka memiliki pengetahuan dan keupayaan untuk menyediakan persembahan dengan betul, melafazkan doa (*sampi*) untuk memanggil dewa-dewi dan roh serta menjadi perantara antara manusia dan alam roh. *Lemambahang* akan memastikan upacara dilakukan mengikut tradisi dan mencapai tujuan yang diinginkan. Ucapan *Lemambahang* dalam ritual ini perlu dituruti agar ritual dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Ritual *miring* terhasil daripada kepercayaan warisan yang diamalkan oleh nenek moyang masyarakat Iban sejak turun-temurun. Kepercayaan warisan yang diamalkan oleh masyarakat Iban ini telah membentuk kepada ritual *miring* yang dilakukan untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka. Ritual miring merupakan ritual pemujaan dan penyembahan yang utama bagi masyarakat Iban yang masih berpegang kuat terhadap kepercayaan warisan. Perkataan *miring* bermaksud memberkati penduduk, melindungi, membawa kebahagiaan, kedamaian dan keharmonian dalam masyarakat.

Secara umumnya, ritual *miring* merupakan upacara memberi "sajian makanan" dan persembahan sebagai tanda berterima kasih kepada kuasa luar biasa. Namun, ritual *miring* bukan sahaja untuk mengucapkan rasa syukur tetapi sebagai satu cara yang dilakukan oleh masyarakat Iban untuk berkomunikasi dengan kuasa luar biasa dan petara (Tuhan) agar mendapatkan kehidupan yang lebih baik termasuklah dimurahkan rezeki serta umur yang panjang (Noria Tugang et.al, 2022). Selain itu, upacara *miring* mempunyai keunikan tersendiri dan dilakukan berbeza mengikut daerah masing-masing. Upacara *miring* juga boleh dilakukan untuk menyampaikan hajat atau untuk mendapatkan sesuatu kejayaan dan kesempurnaan.

Lazimnya, sebelum ritual *miring* dilakukan, kaum wanita akan menyediakan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat piring terlebih dahulu. Sehari sebelum hari pelaksanaan ritual *miring*, penduduk rumah panjang akan keluar untuk mencari buluh untuk membuat kelingkang dan keresang. Kelingkang dan keresang sangat penting bagi ritual *miring* kerana bahan tersebut digunakan untuk menyimpan piring yang telah siap dibuat. Selain itu, bahan lain seperti pisang, tembakau, sirih, pinang, sagun dan bertih padi akan dikumpulkan dan diletakkan di atas talam atau *tabak*. Ritual *miring* juga memerlukan seekor ayam jantan yang berbulu biring dan babi. Jumlah babi yang digunakan adalah berdasarkan tujuan ritual atau Gawai yang

diadakan. Contohnya bagi perayaan Gawai Sandau Ari, jumlah babi yang digunakan tidak dapat ditetapkan dan biasanya dua ekor serta bergantung kepada penganjur Gawai (Norlia Tugang et.al, 2022).

Bagi masyarakat Iban, setiap pelaksanaan ritual *miring* mesti mempunyai sebab dan keperluannya tertentu. Justeru, ritual *miring* ini dilakukan oleh masyarakat Iban untuk memohon keberkatan, perlindungan, pengampunan, kebahagiaan, hajat, kedamaian dan keharmonian dalam kehidupan mereka. Masyarakat Iban percaya masalah atau musibah yang melanda kehidupan mereka perlu diselesaikan melalui bentuk-bentuk perlakuan ritual seperti ritual *miring*. Mengikut adat dan kepercayaan masyarakat Iban, ritual kebiasaannya akan dilakukan sebelum sesuatu aktiviti penting dilaksanakan atau selepas berlakunya malapetaka, dilanda sakit dan berlakunya kejadian yang tidak diingini yang menimpa penduduk rumah panjang.

Selain itu, dalam peringkat mengurus dan melaksanakan ritual *miring*, peranan daripada golongan yang pakar dalam ritual seperti *lemambang* amat diperlukan. Persembahan sesebuah ritual yang dilaksanakan oleh masyarakat Iban perlu memberi penekanan terhadap persediaan awal bahan-bahan dan peralatan penyembahan bagi mengadap kuasa luar biasa. Urin Telajan (2022), mengatakan bahawa piring merupakan salah satu simbol dan lambang ritual kerana piring merupakan sajian utama untuk dipersembahkan kepada petara dan kuasa luar biasa. Oleh itu, penyediaan piring akan dilakukan oleh golongan wanita Iban yang mempunyai status tertinggi dalam rumah panjang.

Seterusnya, upacara ritual *miring* diadakan dengan menyediakan sajian persembahan yang berbentuk makanan. Sajian makanan yang dipersembahkan terdiri daripada *asi* (nasi), *pulut*, *letup* (bertih padi), *ketupat*, *garam*, *semakau* (tembakau), *kapu* (kapur), buah pinang, *daun ruku* (rokok daun), *telu* (telur), *tuak* (air tradisi kaum Iban), daun sirih, sagun (sagu) dan *penganan*. Semua sajian ini digunakan untuk membuat piring semasa berlangsungnya upacara *miring*. Dalam masyarakat Iban, piring yang digunakan semasa upacara *miring* terbahagi kepada beberapa tahap iaitu *Piring Turun Tiga*, *Piring Turun Lima*, *Piring Turun Tujuh*, *Piring Turun Lapan* dan *Piring Turun Sembilan*.

Ganda Saba (2022) menjelaskan *Piring Turun Tiga* biasanya dianggap sebagai piring yang biasa dan digunakan semasa ritual *miring* mereka yang mengalami mimpi buruk atau hendak menanam padi. *Piring Lima* adalah piring yang disediakan bagi mereka yang ingin mendirikan rumah panjang baharu. Piring tersebut akan digantung pada *tiang perabung* bagi memberkati rumah baharu yang akan diduduki. Selain itu, *Piring Tujuh* pula disediakan oleh masyarakat Iban sebelum seseorang pergi *berjalai* (mengembara) dan *Piring Sembilan* pula adalah untuk pergi berperang (*ngayau*). Merujuk kepada upacara Gawai Sandau Ari, pelaksanaan ritual *miring* akan dilaksanakan di *tanju* oleh kaum lelaki. Ritual *miring* tersebut mestilah dilakukan di bawah *terutu atap*. Individu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan ritual ini ialah mereka yang mengambil *tiang kuyang*. Piring yang akan dipersembahkan bagi upacara Gawai Sandau Ari ialah *Piring Turun Sembilan*. Berikut adalah langkah membuat piring untuk dipersembahkan kepada petara atau semangat yang dipercayai.



Gambar 2. Ritual *miring*
Sumber: Almaswa Haji Che Ros (2021)

Langkah pertama yang dilakukan ialah buah pinang akan dibelah dan dibahagikan kepada tiga bahagian. Seterusnya daun sirih disapu dengan kapur, ditambah dengan kelait, daun ruku dan tembakau. Sungkui (pulut yang disimpan dalam daun) dipotong mengikut berapa jumlah piring iaitu sebanyak sembilan potong dan ditambah dengan pulut buruk (putih) dan chelum (hitam). Seterusnya, telur ayam akan dibelah dan dibahagikan mengikut bilangan mangkuk dan buah pisang. Bahan lain seperti garam, asi amat (nasi) dan sagun turun dimasukkan ke dalam mangkuk dan juga ditambahkan penganan. Biasanya semasa ritual *miring*, penganan yang digunakan ialah tepung iri, tepung chuan dan sarang semut. Gambar di bawah menunjukkan piring yang telah disediakan semasa ritual *miring*.

Semasa ritual *miring* berlangsung sembilan buah piring tersebut akan dituangkan dengan air tuak. Air tuak ialah minuman tradisi bagi masyarakat Iban. Setelah itu, piring tersebut akan ditutup dengan menggunakan tepung kelingkang. Selanjutnya semua piring tersebut akan diberkati melalui upacara *bebiau* yang dikendalikan oleh pakar *biau*. Piring yang sudah diberkati akan diletakkan ke dalam daun. Biasanya masyarakat Iban akan menggunakan *daun lung*. Piring yang sudah dibungkus dengan daun akan diikat bagi memudahkannya diletakkan di dalam kelingkang dan digantung pada Tiang Kuyang. Proses ini dilakukan oleh penganjur Gawai tersebut (Imas Langgi, 2022).

Penduduk rumah panjang meletakkan piring mereka di dalam keresang dan kelingkang. Menurut Urin Telajan (2022), jika piring diletakkan di dalam kelingkang, piring tersebut akan digantung di sekitar rumah panjang termasuk di dalam bilik. Manakala jika keresang digunakan untuk meletakkan piring, keresang akan didirikan di atas tanah. Seterusnya ayam dan babi dipanggang setengah masak, dipotong dan dimakan oleh individu yang berani. Makanan lain seperti ikan dan gerama juga perlu dimakan semasa ritual di tanju sedang diadakan. Gambar di bawah menunjukkan Puan Uring Telajan bersama keresang di halaman rumahnya.



Gambar 3. Puan Urin Anak Telajan Bersama dengan Keresang
Sumber: Abby Rumie Pandan (2022)

Semasa ritual *miring* berlangsung sembilan buah piring tersebut akan dituangkan dengan air tuak. Air tuak ialah minuman tradisi bagi masyarakat Iban. Setelah itu, piring tersebut akan ditutup dengan menggunakan tepung kelingkang. Selanjutnya semua piring tersebut akan diberkati melalui upacara *bebiau* yang dikendalikan oleh pakar *biau*. Piring yang sudah diberkati akan diletakkan ke dalam daun. Biasanya masyarakat Iban akan menggunakan *daun lung*. Piring yang sudah dibungkus dengan daun akan diikat bagi memudahkannya diletakkan di dalam kelingkang dan digantung pada Tiang Kuyang. Proses ini dilakukan oleh penganjur Gawai tersebut (Imas Langgi, 2022). Seterusnya penduduk rumah panjang meletakkan piring mereka di dalam keresang dan kelingkang. Menurut Urin Telajan (2022), jika piring diletakkan di dalam kelingkang, piring tersebut akan digantung di sekitar rumah panjang termasuk di dalam bilik. Manakala jika keresang digunakan untuk meletakkan piring, keresang akan didirikan di atas tanah. Seterusnya ayam dan babi dipanggang setengah masak, dipotong dan dimakan oleh individu yang berani. Makanan lain seperti ikan dan

gerama juga perlu dimakan semasa ritual di tanju sedang diadakan. Gambar di bawah menunjukkan Puan Uring Telajan bersama keresang di halaman rumahnya.

Perbincangan

Perayaan Gawai Sandau Ari dimulakan dengan aktiviti *betesau* dan *baum*. Pengorganisasian dalam upacara ini melibatkan proses penyusunan dan penyelarasian yang melibatkan pengagihan sumber dalam sebuah organisasi. Satu jawatankuasa akan dibentuk dan jawatankuasa ini yang menguruskan upacara ini. Jawatankuasa ini terdiri daripada empat orang penting di rumah panjang iaitu Tuai Rumah, Tuai Gawai, hulubalang dan golongan mahir. Pelbagai peralatan yang digunakan sebagai pengisian terhadap ritual ini seperti *antu pala*, *dulang buah*, *capan*, *tiang kuyang*, *kayu api*, *bahan piring*, *pua kumbu*, *babi* dan *ayam*, peralatan muzik, senjata, air tuak, *tambai* dan *tikai*. Kesemua peralatan ini sangat penting untuk melaksanakan upacara Gawai Sandau Ari ini.

Semasa proses *baum* (mesyuarat) berlangsung di rumah Indit, Manding, *tuai rumah* mula membentuk organisasi yang bertanggungjawab mengendalikan upacara Gawai Sandau Ari. Dalam mesyuarat tersebut, individu akan melakukan aktiviti *nyelupat* (menganyam ketupat) terlebih dahulu. Orang yang menganyam ketupat ini adalah orang yang betul-betul mahir dan mempunyai pengalaman dalam bidang ini. Hal ini kerana ketupat yang dianyam bukan ketupat biasa tetapi ketupat yang sememangnya digunakan semasa upacara Gawai Sandau Ari. Mereka yang tidak tahu menganyam ketupat tidak digalakkan untuk melakukannya kerana boleh memudaratkan. Bagi masyarakat Iban, *selupat* (ketupat) terdiri daripada banyak jenis dan saiz. Contohnya, *selupat gerama*, *selupat kenyalang*, *selupat bingka lia* dan *selupat tangkung peredah*. Walaubagaimanapun, tidak semua selupat ini digunakan semasa Gawai Sandau Ari (Urin Telajan, 2022). Berikut adalah gambar pelbagai jenis selupat dalam masyarakat Iban:



Gambar 4. Jenis Ketupat Masyarakat Iban

Sumber: Abby Rumie Pandan (2022)

Ritual *miring* merupakan upacara penting dalam perayaan Gawai Sandau Ari. Ritual ini melibatkan persempahan dengan cara memberi “sajian makanan” sebagai tanda berterima kasih kepada kuasa luar biasa. Ritual *miring* juga merupakan sebuah ritual pemujaan dan penyembahan utama bagi masyarakat Iban yang masih berpegang kuat terhadap kepercayaan warisan sebegini. Lazimnya, sebelum ritual *miring* dilakukan, kaum wanita biasanya akan menyediakan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat piring terlebih dahulu. Persediaan awal seperti menyediakan buah pisang, tembakau, sirih, pinang, sagun dan bertih padi. Selain itu, ritual *miring* juga memerlukan seekor ayam jantan yang mesti berbulu biring dan babi.

Ritual *miring* dipimpin oleh seorang *lemambahang* (dukun atau pawang adat) yang memiliki pengetahuan mendalam tentang tradisi dan cara berkomunikasi dengan alam roh. Prosesnya melibatkan persiapan dan penyajian berbagai jenis persembahan di atas piring (pinggan). Persembahan ini dipilih dengan cermat dan memiliki makna simbolis tertentu. Sajian makanan yang dipersembahkan terdiri daripada *asi* (nasi), *pulut*, *letup* (bertih padi), *ketupat*, *garam*, *semakau* (tembakau), *kapu* (kapur), buah pinang, *daun ruku* (rokok daun), *telu* (telur), *tuak* (air tradisi kaum Iban), daun sirih, sagun (sagu) dan *penganan*. Kesemua sajian ini akan digunakan untuk membuat piring semasa berlangsungnya upacara miring. Dalam masyarakat Iban, piring yang digunakan semasa upacara miring terbahagi kepada beberapa tahap iaitu seperti *Piring Turun Tiga*, *Piring Turun Lima*, *Piring Turun Tujuh*, *Piring Turun Lapan* dan *Piring Turun Sembilan* (Urin Telajan, 2022).

Piring Turun Tiga biasanya dianggap sebagai piring yang biasa dan sering digunakan semasa ritual miring bagi mereka yang mengalami mimpi buruk atau hendak menanam padi. *Piring Lima* pula adalah piring yang disediakan bagi mereka yang ingin mendirikan rumah panjang baharu. *Piring* tersebut akan digantung pada *tiang perabung* bagi memberkati rumah baharu yang akan diduduki. Selain itu, *Piring Tujuh* pula disediakan oleh masyarakat Iban sebelum seseorang pergi *berjalai* (mengembara) dan *Piring Sembilan* pula adalah untuk pergi berperang (*ngayaui*) (Ganda Saba, 2022).

Urin Telajan (2022) menjelaskan terdapat beberapa langkah yang perlu dipatuhi dalam ritual *miring*. Sekiranya langkah ini tidak dipatuhi, proses ritual ini dipercayai tidak akan menjadi. Berikut adalah persiapan yang diperlukan semasa ritual *miring* diadakan.

1. Persiapan Persembahan: *Lemambahang* akan menyiapkan *piring* dengan susun letak dan jenis persembahan yang sesuai dengan tujuan Gawai Sandau Ari. Setiap item memiliki makna dan disusun dengan cara tertentu.
2. Bacaan Jampi Mentera: *Lemambahang* akan melantunkan *sampi* atau doa-doa khusus dalam bahasa Iban kuno. Doa ini ditujukan kepada *Petara* dan roh-roh lainnya dan menyampaikan maksud dari Gawai serta permohonan berkat.
3. *Biau* atau *Miau*: *Lemambahang* akan melakukan ritual yang disebut *biau* atau *miau*, iaitu mengayun-ayunkan atau menyentuh persembahan ke arah tertentu sambil membaca *sampi*. Tindakan ini diyakini sebagai cara untuk "menghidupkan" persembahan dan menyampaikan permintaannya kepada alam roh.
4. Persembahan Tuak: *Tuak* akan dipersembahkan dengan cara menuangkannya sedikit ke tanah atau ke *piring*, dan kemudian dibahagikan kepada para tetamu sebagai sebahagian daripada ritual dan sebagai satu bentuk kebersamaan.
5. Penglibatan Komuniti: Meskipun *lemambahang* memegang peranan utama, anggota keluarga dan masyarakat rumah panjang juga turut hadir untuk mendengarkan *sampi* dan menerima berkat.
6. Penutup Ritual: Setelah *lemambahang* merasakan pesanannya telah disampaikan dan berkat telah diterima, ritual *miring* akan berakhir. Persembahan yang disediakan akan dibiarkan di tempatnya untuk beberapa waktu.

Kesimpulan

Gawai Sandau Ari dalam konteks penulisan ini merupakan sebuah upacara tradisional mengubat penyakit bagi masyarakat Iban yang dilaksanakan di rumah panjang Indit, Daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. Ritual *miring* menjadi elemen penting dalam upacara ini. Walaupun bidang perubatan moden berkembang pesat, ritual ini masih dianggap sebagai kaedah rawatan alternatif yang terus mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Iban.

Ritual *miring* dianggap penting kerana ia merupakan satu bentuk persembahan sajian kepada petara, semangat serta roh yang dipercayai datang untuk mengubat penyakit. Setiap langkah dalam ritual *miring* dilaksanakan mengikut adat dan pantang larang yang telah diturunkan oleh nenek moyang masyarakat Iban. Dalam pelaksanaannya, *lemambahang* berperanan penting kerana dipercayai boleh berhubung secara spiritual dengan roh dan dewa dewi.

Ritual *miring* bukan sahaja berfungsi sebagai tradisi, tetapi juga merupakan jalinan komunikasi spiritual yang mendalam bagi masyarakat Iban dalam perayaan Gawai Sandau Ari. Ritual ini merupakan medium menjaga hubungan baik masyarakat Iban dengan alam roh, memohon perlindungan serta memastikan keberkatan dan kesejahteraan hidup. Sehingga kini, amalan ini masih dipercayai dan terus dipelihara agar dapat dilestarikan untuk generasi akan datang.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan penerbitan artikel ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengaku tiada konflik kepentingan antara semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Abby Rumie Pandang. (2022, Mac 13). Perayaan Hari Gawai dan Ritual Miring. [Temu bual].
- Almaswa Haji Che Ros. (2021, Jun 1). Uniknya Upacara Miring, Adat Kaum Iban Bagi Hormati Roh Nenek Moyang Sempena Hari Gawai. <https://images.app.goo.gl/f4f6vSsMWsFrLfwS7>
- Asnaini. (2005). *Upacara adat Sandau Ari pada masyarakat Iban di Kabupaten Kapuas Hulu Kalimantan Barat*. Departemen Kebudayaan dan Pariwisata.
- Concordius Kanyan. (2007). Dalam Linda Dagang. *Persepsi golongan muda terhadap perayaan Gawai Burung Kenyalang di Daerah Lubuk Antu* (Latihan ilmiah). Universiti Malaysia Sarawak.
- Doraty Gerry, Harishon Radzi & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2024). Penggunaan dan pengamalan kajian bahasa Iban: Sorotan literatur bersistematis. *e-Bangi: Journal of Sozial Sciences and Humanities*, 21(2), 153–166. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2102.14>
- Ehoh, D. U., Abdul Gapor, S., & Abdul Rahman, H. F. (2020). Fungsi upacara miring dalam proses pemuliharaan kubu di Wilayah Tengah, Sarawak. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1), 148–162. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2800>
- Durin, A. (2014). *Tikar bemban*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Ganda Saba. (2022, Januari 22). *Peralatan dalam Gawai Sandau Ari* [Temu bual].
- Gregory Kiyai@Keai. (2017). Tikai: Fungsi dalam kehidupan masyarakat Iban. *Jurnal Borneo Arkhailogio (Heritage, Archaeology and History)*, 1(1), 87–96.
- Gregory Kiyai@Keai, & Noria Tugang. (2020). Artifak budaya masyarakat Iban: Warisan dan pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 59–71. <https://doi.org/10.51200/ejk.v26i1.2261>
- Grimes, R. L. (1982). *Beginnings in ritual studies*. University Press of America.
- Henrietta Liza. (2024, April 5). Miring diadakan sempena Ekspo Tatu Antarabangsa. *Utusan Borneo Online*. <https://utusanborneo.com.my/>
- Imas Langgi. (2022, Mac 12). *Amalan Gawai Sandau Ari masyarakat Iban* [Temu bual].
- Jeseinta Alice Matusinus. (2019). *Tradisi kepercayaan rohani masyarakat kaum Iban: Upacara Gawai Sandau Ari*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Johan Johnes, Rosazman Hussin, & Trixie Marjorie Tangit. (2022). Keharmonian masyarakat melalui perayaan rakyat. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(6), 75–86. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/58116>
- Juliza Kennedy. (2007). *Khazanah warisan masyarakat etnik Iban di Sarawak: Satu kajian dokumentasi harta intelek*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Juntek Ugas. (2022, April 5). *Amalan Gawai Sandau Ari masyarakat Iban* [Temu bual].
- Kedit, P. M. (1970). Gawai Ngemali Uma. *Sarawak Museum Journal*, XIII, 36–37.
- Linda Dagang. (2007). *Persepsi golongan muda terhadap perayaan Gawai Burung Kenyalang di Daerah Lubuk Antu*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Makmur Haji Harun, & Bukhari Katutu. (2013). Mencari titik temu seni budaya kaum Iban dengan suku Bugis: Kajian terhadap seni budaya etnik di Nusantara. [Kertas Kerja]. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)35900, Tanjung Malim, Perak.
- Mosum, N., & Mohd Yusoff, M. Y. (2025). Perubahan amalan ngeduang dalam adat dan ritual kematian etnik Bajau. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(1), 562–572. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.45>
- Nik Azma Nik Day. (2018). *Perubahan amalan ritual miring dalam masyarakat Iban di Kanowit, Sibu, Sarawak* [Tesis Sarjana Sains Sosial]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Noria Tugang, Bibiana Motey Senang & Adilawati Asri. (2022). *Warisan budaya miring dalam masyarakat Iban di Sarawak*. UNIMAS Publisher.

- Peta Daerah Pakan. (2025, Jun 25). https://sarikei.sarawak.gov.my/web/subpage/webpage_view/324
- Runai Laja. (2023, Januari 21). *Pua kumbu* [Temu bual].
- Sandin, B. (1977). *Gawai Burong: The chants and celebrations of the Iban Bird Festival*. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Pulau Pinang.
- Suzie Nyindang. (2017). *Adat miring dalam perayaan Gawai Sandau Ari dalam masyarakat Iban*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Urin Telajan. (2022, Mac 12). *Amalan Gawai Sandau Ari masyarakat Iban* [Temu bual].
- Turner, V. (1966). *The ritual process: Structure and anti-structure*. Cornell University Press.